

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	11 JAN 2015

Gubal SOP baharu pengurusan bencana dalam 6 bulan

Ambil pengajaran musibah banjir - PM

UM - 11/1/2015

Oleh MOHD. SHARIZA
ABDULLAH

pengarang@utusan.com.my

■ PEKAN 10 JAN.

MALAYSIA mengambil pengajaran daripada musibah banjir luar biasa yang melanda negara ini dengan menentukan langkah persediaan menghadapi bencana berskala besar pada masa akan datang termasuk menggubal prosedur operasi standard (SOP) baharu berhubung pengurusan krisis itu dalam tempoh enam bulan.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, SOP itu meliputi penambahbaikan aset, latihan simulasi, peralatan komunikasi, reka bentuk dan perancangan supaya lebih bersedia menghadapi sebarang kemungkinan bencana besar melanda negara ini.

Beliau berkata, kesan di sebalik musibah itu yang menjejaskan lebih 200,000 penduduk perlu diinsafi dan diambil peringatan supaya dapat ditangani dengan lebih baik jika berlaku lagi.

"Inilah sikap yang perlu ada supaya kita lebih bersedia dalam satu ikatan sebagai sebuah negara dan komuniti di semua peringkat agar persediaan proaktif dapat diambil pada masa akan datang," katanya ketika berucap pada majlis penyampaian bantuan persekolahan daripada Yayasan Pahang sebanyak RM120 setiap seorang kepada kira-kira 260 murid yang terlibat dengan banjir di Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN), Paloh Hinai di sini hari ini.

Hadir sama, isteri beliau, Datin Seri Rosmah Mansor; Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Ewon Ebin dan Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob.

Menurut Najib, Malaysia memerlukan SOP pengurusan baharu



Inilah sikap yang perlu ada supaya kita lebih bersedia dalam satu ikatan sebagai sebuah negara dan komuniti di semua peringkat agar persediaan proaktif dapat diambil pada masa akan datang."

NAJIB TUN RAZAK
Perdana Menteri

sebagai langkah penambahbaikan jangka sederhana dan panjang berikutan perubahan iklim yang boleh mengakibatkan bencana berskala besar berulang di negara ini.

Tambah beliau, rakyat juga perlu mempunyai perspektif baharu dalam membantu kerajaan menangani bencana dengan bertanggungjawab mengurangkan punca musibah termasuk mematuhi undang-undang yang ditetapkan.

"Rakyat sebelum ini selalu menuding jari terhadap kerajaan terutama kelemahan dalam menangani bencana ini. Mereka sebenarnya turut bertanggungjawab mematuhi garis panduan dan undang-undang berkaitan aktiviti penebangan pokok, pembukaan hutan dan perlombongan," katanya.

Sementara itu, dalam sidang akhbar di Tabika Islam Baitur Rahah selepas meninjau keadaan banjir di sekitar daerah ini, Najib berharap SOP baharu pengurusan bencana berskala besar tersebut dapat dibentang dan diluluskan dalam tempoh enam bulan lagi.

"Jika akhir tahun ini berlaku

banjir, kita akan lebih bersedia termasuk dalam soal arahan dan kawalan. Umpamanya Angkatan Tentera Malaysia sebagai agensi utama harus dilengkapi dengan peralatan bersesuaian untuk menghadapinya.

"Begitu juga dengan kemampuan untuk membuat ramalan cuaca lebih awal dan tepat supaya amaran dapat diberikan. Bila diandaikan berlaku banjir besar, penempatan anggota seperti tentera, polis dan pasukan penyelamat dilakukan lebih awal agar mempunyai kemampuan bertindak yang baik apabila air mula naik," katanya.

Perdana Menteri turut meminta agensi seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB) membina semula pencawang elektrik yang rosak akibat ditenggelami banjir di tempat tinggi bagi memastikan bekalan tidak terputus apabila musibah berkenaan melanda manakala perancangan pembinaan rumah, sekolah, bangunan awam perlu mengambil kira sama ada risiko kawasan itu mudah dinaiki air atau sebaliknya.

Beliau juga berharap jawatankuasa terdiri daripada pakar-pakar yang mengkaji punca musibah banjir besar kali ini dapat mengemukakan laporan pertama mereka dalam tempoh tiga bulan lagi.

Ditanya apakah punca banjir disebabkan penerokaan tanah, Perdana Menteri berkata, beliau masih menunggu laporan berhubung perkara itu tetapi menyifatkannya bencana seumpama itu tidak disebabkan oleh satu faktor sahaja.

Mengenai kos pembinaan atau membaik pulih rumah mangsa banjir, beliau berkata, kemampuan kerajaan mempunyai had tetapi akan membantu sedaya mungkin selain mungkin melantik institusi tertentu untuk melakukan kerja-kerja pembaikan.